

Teroka kaedah Wyckoff di AeU



Dr Pruden menganjurkan seminar 'Juruteknik Abad Ke-21' ('The 21st Century Technician') di kampus utama AeU.

» Seminar dedah peserta urusan perdagangan mata wang

Selaras dengan matlamat dan usaha kerajaan untuk meningkatkan jumlah graduan dan rakyat yang celik ekonomi dan bijak menguruskan kewangan, Asia e University (AeU) dengan kerjasama Golden Gate University, MNS Global dan F1 Academy of Technical Analysis (FIATA) menganjurkan seminar 'Juruteknik Abad Ke-21' ('The 21st Century Technician') pada 12 Mei 2015 lalu di kampus utama AeU.

Seminar yang mendedahkan penggunaan kaedah Wyckoff untuk urusan perdagangan mata wang dan saham secara bijak ini disampaikan pakar dan ahli akademik tidak asing lagi iaitu Ketua Program bagi Kajian Analisis Teknikal di Ageno School of Business, Golden Gate University, San Francisco, Profesor Dr Hank Pruden dari Amerika Syarikat.

Dengan pengalaman lebih 20 tahun di dalam bidang perdagangan, beliau diberi kepercayaan menjawat jawatan Pengarah Eksekutif di Institute of Technical Market Analysis serta Presiden di Technical Securities Analysis Association of San Francisco.

Seminar berkisar kehebatan kaedah Wyckoff yang membolehkan sindiket menggerakkan pasaran komoditi, saham dan pilihan yang tersedia pada masa hadapan.

Katanya, kaedah Wyckoff sememangnya dibuktikan efektif untuk peniaga pada jangka waktu dan platform berbeza. Kaedah ini merangkumi hu-

kum penawaran dan permintaan, hukum usaha berbanding hasil serta hukum sebab dan kesan.

"Analisis teknikal yang terbaik adalah kombinasi antara penelitian terhadap carta klasik berserta pendapat dari perspektif sains sosial," ulas Dr Pruden.

Sambutan baik

Atas kapasiti dan populariti Dr Pruden, seminar ini mendapat sambutan yang sangat baik di mana hampir 150 peserta hadir walaupun jangkakan awal jumlah maksimum peserta hanyalah sekitar 100 orang sahaja.

Peserta terdiri dari kalangan orang awam, ahli akademik serta pelajar AeU yang berminat mendalami pengetahuan berkenaan analisa pasaran perdagangan mata wang.

Yang turut hadir pada seminar itu adalah Naib Presiden (Pengurusan Akademik) AeU, Prof Dr Mak Chai dan Dekan Sekolah Sastera, Komunikasi dan Sains Sosial, Prof Dr Juhary Ali.

Seorang lagi penceramah yang turut melengkapkan seminar itu adalah Ketua Pegawai Eksekutif, F1 Academy of Technical Analysis Fred K H Tam yang turut melancarkan buku berjudul *Chart Patterns Analysis*, karangan beliau dan rakan pada malam itu.

Seperti majoriti yang berpuas hati dengan kandungan seminar, pelajar AeU program Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA), Yushana Md Yusop turut menyuarakan pendapat yang sama.

"Sebagai pelajar program MBA di AeU, menghadiri seminar seperti ini memberi manfaat dan pengetahuan baharu kepada saya," ujar Yushana yang juga Pengurus di Jabatan Pengawasan Pengan-tara di Bursa Malaysia Berhad.